

Kedai runcit warga asing dikompaun RM2,000

SYAMILAH ZULKIFLI || 11 Mei 2020



Tiada tanda harga dipamerkan pada barang dijual

KUALA PILAH – Sebuah kedai runcit milik seorang warga asing dikenakan kompaun RM2,000 selepas gagal mempamerkan tanda harga pada barangan jualan di premis perniagaannya semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kuala Pilah, Ahmad Khuzairi Selamat berkata, pemeriksaan dilakukan pihaknya selepas menerima aduan awam.

"Kita sebelum ini pernah beri teguran kepada pemilik premis berkenaan penandaan tanda harga, tapi nampaknya dia masih lagi ingkar.

"Jadi, kami telah mengeluarkan kompaun RM2,000 kepada pemiliknya kerana melakukan kesalahan mengikut Peraturan 3 (1) Perintah Kawalan Harga (PHOPR) 1993," katanya.



Penguatkuasa KPDNHEP membuat pemeriksaan.

Menurutnya, tindakan tegas akan diambil kepada peniaga yang masih ingkar dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan kerajaan.

Jelas beliau, pengguna diharap dapat terus menyalurkan maklumat berhubung kesalahan dilakukan para peniaga supaya tindakan dan siasatan dilakukan.

<https://www.sinarharian.com.my/article/82974/EDISI/Melaka-NS/Kedai-runcit-warga-asing-dikompaun-RM2000>